



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 13 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI JAMIN BELA NASIB 3,146 PESAWAH PADI TERJEJAS AKIBAT BANJIR - ZAWAWI, ASTRO AWANI-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA (MAFI)
2.	MAFI JAMIN BELA NASIB 3,146 PESAWAH PADI TERJEJAS AKIBAT BANJIR: ZAWAWI, THE SUN DAILY-ONLINE	
3.	FLOODS: GOVT ASSURES 3,146 PADI FARMERS THEIR WELFARE IS PROTECTED, THE STAR.COM-ONLINE	
4.	FLOODS : MAFI ASSURES TO PROTECT WELFARE OF 3,146 PADI FARMERS - ZAWAWI, BERNAMA.COM-ONLINE	
5.	MAFI JAMIN BELA NASIB 3,146 PESAWAH PADI TERJEJAS BANJIR - ZAWAWI, BERNAMA.COM	
6.	MAFII PERTINGKAT KEUPAYAAN SEKTOR AGRO MAKANAN, SH-ONLINE	
7.	"FOOD BASKET" BAWA MANFAAT KEPADA KOMUNITI AGROTANI, NEWS, UTUSAN BORNEO SARAWAK-6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	PADI IS21 TINGKAT PENDAPATAN PESAWAH, KOS LEBIH RENDAH, SH-ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAFI JAMIN BELA NASIB 3,146 PESAWAH PADI TERJEJAS AKIBAT BANJIR - ZAWAWI

Bernamea



Para petani menunjukkan padi yang rosak di sawah berkeluasan 12 hektar susulan kejadian banjir yang berlaku pada Februari lalu di Kampung Tuman, Pengkalan Berangan, Terengganu. - Gambar fail/Bernamea

TUMPAT: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan untuk membela nasib 3,146 pesawah padi yang terkesan akibat bencana banjir baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, setakat 8 Mac lalu, pihaknya menerima laporan mengenai kerugian keseluruhan yang dialami oleh pesawah padi adalah lebih RM56 juta meliputi keluasan keseluruhan iaitu 13,326 hektar.

"Kerajaan amat prihatin dengan apa yang menimpa golongan sasar ini dan sudah pasti MAFI akan melakukan sesuatu dalam usaha membela nasib petani terjejas teruk akibat banjir ini," katanya kepada pemberita selepas Program Road To Jubli Emas Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata berdasarkan jumlah yang dilaporkan itu pasti akan memberikan impak besar terhadap petani kerana tanaman dan pendapatan mereka terjejas.

"Bagi negeri Kelantan misalnya, kerosakan jumlah padi paling tinggi dicatatkan adalah jajahan Pasir Mas iaitu melebihi RM19 juta, diikuti Bachok lebih RM14 juta dan Tumpat bernilai RM11 juta.

"Ketiadaan empangan di negeri Kelantan menyebabkan petani sering menghadapi masalah bekalan air selain faktor pengurangan kawasan jelapang yang disebabkan oleh pembangunan untuk komersial dan perumahan," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2022	THE SUN DAILY	ONLINE	

MAFI JAMIN BELA NASIB 3,146 PESAWAH PADI TERJEJAS AKIBAT BANJIR: ZAWAWI

03- 12- 2022 02:04 PM



Gambar hiasan/BERNAMAPix

TUMPAT: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan untuk membela nasib 3,146 pesawah padi yang terkesan akibat bencana banjir baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata setakat 8 Mac lalu, pihaknya menerima laporan mengenai kerugian keseluruhan yang dialami oleh pesawah padi adalah lebih RM56 juta meliputi keluasan keseluruhan iaitu 13,326 hektar.

“Kerajaan amat prihatin dengan apa yang menimpa golongan sasaran ini dan sudah pasti MAFI akan melakukan sesuatu dalam usaha membela nasib petani terjejas teruk akibat banjir ini,” katanya kepada pemberita selepas Program Road To Jubli Emas Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata berdasarkan jumlah yang dilaporkan itu pasti akan memberikan impak besar terhadap petani kerana tanaman dan pendapatan mereka terjejas.

“Bagi negeri Kelantan misalnya, kerosakan jumlah padi paling tinggi dicatatkan adalah jajahan Pasir Mas iaitu melebihi RM19 juta, diikuti Bachok lebih RM14 juta dan Tumpat bernilai RM11 juta.

“Ketiadaan empangan di negeri Kelantan menyebabkan petani sering menghadapi masalah bekalan air selain faktor pengurangan kawasan jelapang yang disebabkan oleh pembangunan untuk komersial dan perumahan,” katanya. -Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2022	THE STAR.COM	ONLINE	

FLOODS: GOVT ASSURES 3,146 PADI FARMERS THEIR WELFARE IS PROTECTED

Saturday, 12 Mar 2022

3:55 PM MYT

TUMPAT: The Agriculture and Food Industries Ministry has assured 3,146 padi farmers affected by the recent floods that their welfare will be protected.

Deputy Minister II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said as of March 8, it was reported that the farmers had incurred losses of over RM56mil involving a total area of 13,326ha.

"The government is very concerned about the fate of these farmers and of course the ministry will work out something to help those badly hit by the floods," he told reporters after the Kemubu Agricultural Development Authority Road To Golden Jubilee Programme at the Tumpat Area Farmers Organisation here Saturday (March 12).

Nik Muhammad Zawawi said based on the damage reported, this would have a great impact on the farmers who had lost their crops and income.

"In Kelantan, for example, the worst-hit area was Pasir Mas district which incurred losses of over RM19mil, followed by Bachok with losses of over RM14mil and Tumpat, RM11mil.

"Farmers in Kelantan also face water supply problems due to the absence of dams, while development of commercial and housing areas led to a shortage of granary areas," he added. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2022	BERNAMA.COM	ONLINE	

FLOODS : MAFI ASSURES TO PROTECT WELFARE OF 3,146 PADI FARMERS - ZAWAWI



TUMPAT, March 12 -- The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has given its assurance to 3,146 padi farmers affected by the recent floods that their welfare will be protected.

Deputy Minister II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said as of March 8, it was reported that the padi farmers had incurred losses of over RM56 million involving a total area of 13,326 hectares

"The government is very concerned over the fate of these farmers and of course MAFI will do will work out something to help those badly hit by the floods," he told reporters after the Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) Road To Golden Jubilee Programme at Tumpat Area Farmers Organisation here today

Elaborating, Nik Muhammad Zawawi said based on the damage reported, this would have a great impact on the farmers as they have lost their crops and income.

"In Kelantan, for example, the worst hit area was Pasir Mas district which incurred losses of over RM19 million, followed by Bachok with losses of over RM14 million and Tumpat (RM11 million).

"Farmers in Kelantan also face water supply problems due to the absence of dams, while development of commercial and housing areas had led to shortage of granary areas," he added

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2022	BERNAMA.COM	ONLINE	

MAFI JAMIN BELA NASIB 3,146 PESAWAH PADI TERJEJAS BANJIR - ZAWAWI



Padi rosak akibat banjir (gambar fail)

TUMPAT, 12 Mac -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan untuk membela nasib 3,146 pesawah padi yang terkesan akibat bencana banjir baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata setakat 8 Mac lalu, pihaknya menerima laporan mengenai kerugian keseluruhan yang dialami oleh pesawah padi adalah lebih RM56 juta meliputi keluasan keseluruhan iaitu 13,326 hektar.

"Kerajaan amat prihatin dengan apa yang menimpa golongan sasar ini dan sudah pasti MAFI akan melakukan sesuatu dalam usaha membela nasib petani terjejas teruk akibat banjir ini," katanya kepada pemberita selepas Program Road To Jubli Emas Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata berdasarkan jumlah yang dilaporkan itu pasti akan memberikan impak besar terhadap petani kerana tanaman dan pendapatan mereka terjejas.

"Bagi negeri Kelantan misalnya, kerosakan jumlah padi paling tinggi dicatatkan adalah jajahan Pasir Mas iaitu melebihi RM19 juta, diikuti Bachok lebih RM14 juta dan Tumpat bernilai RM11 juta.

"Ketiadaan empangan di negeri Kelantan menyebabkan petani sering menghadapi masalah bekalan air selain faktor pengurangan kawasan jelapang yang disebabkan oleh pembangunan untuk komersial dan perumahan," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI PERTINGKAT KEUPAYAAN SEKTOR AGROMAKANAN

MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID | | 11 Mac 2022



Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Majlis Pemulihan Negara Bersama Komuniti Agromakanan Johor di Kompleks Sukan Pagoh, pada Jumaat.

PAGOH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) akan terus memberi penekanan kepada inisiatif meningkatkan keupayaan sektor agromakanan sebagai suatu sektor mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, usaha itu supaya dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan daya tahan sistem makanan secara menyeluruh.

“Strategi dan inisiatif di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 akan terus dilaksana bagi mencapai sasaran tahap sekuriti makanan dan mematuhi piawaian keselamatan makanan antarabangsa,” katanya ketika program MAFI dan Majlis Pemulihan Negara Bersama Komuniti Agromakanan Johor di Kompleks Sukan Pagoh, pada Jumaat.

Hadir sama dalam program tersebut, Pengerusi Majlis Pemulihan Negara, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian dan Industri Makanan (Fama), Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah Fama, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Dalam pada itu, Ronald berkata, pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) menunjukkan impak positif apabila ekonomi Malaysia kini beransur pulih dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial yang lebih luas.



Ronald (tengah) ketika meninjau gerai-gerai semasa program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Majlis Pemulihan Negara Bersama Komuniti Agromakanan Johor di Kompleks Sukan Pagoh, pada Jumaat.

Katanya, kerajaan sewaktu pimpinan Muhyiddin telah berusaha sedaya upaya bagi memastikan wujud keseimbangan antara kehidupan dan keperluan melindungi nyawa di samping menjamin kesejahteraan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan pandemik Covid-19.

Ronald berkata, kejayaan pada hari ini menangani pandemik Covid-19 termasuk program vaksinasi adalah hasil kepimpinan Muhyiddin.

“Sejak Covid-19 melanda negara, kerajaan di bawah kepimpinan Muhyiddin juga telah melaksanakan pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang berjumlah lebih RM530 bilion bagi memastikan kehidupan dan kebajikan rakyat sentiasa terbela.

"Pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan sebelum ini termasuk Prihatin, Prihatin PKS Tambahan, Penjana, Kita Prihatin, Permai, Pemeraksa, Pemeraksa+ dan juga Pemulih.

"Pada masa sama, sektor agromakanan diberi keutamaan sebagai satu perkhidmatan perlu bagi memastikan kelangsungan bekalan makanan negara," katanya.

Tambah beliau, Dana Khas Persatuan di bawah Prihatin sehingga hingga RM200,000 juga diberikan kepada setiap Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan Persatuan Peladang Kawasan (PPK).

"Johor juga tidak ketinggalan, dua PPK di Pagoh sahaja iaitu PPK Pagoh dan PPK Gambir masing-masing turut menerima peruntukan lebih RM1 juta antara tahun 2020 dan 2021 di bawah Perdana Menteri Kelapan," ujarnya.

Dalam program tersebut, turut disampaikan sumbangan Bakul Makanan MAFI Prihatin oleh Muhyiddin kepada 500 orang penerima komuniti agromakanan di Johor yang terkesan

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/192376/BERITA/Nasional/MAFI-pertingkat-keupayaan-sektor-agromakanan>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkrif

13 MAR, 2022

'Food Basket' bawa manfaat kepada komuniti agrotani

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

'Food Basket' bawa manfaat kepada komuniti agrotani

Inisiatif pelbagai agensi kerajaan menerusi program promosi wajar digunakan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi

Oleh Kepu Sidi

BINTANGOR: Program mempromosikan produk makanan terutama di kawasan Sarikei dan Bintangor yang dikenali sebagai lokasi utama 'Food Basket' di kawasan tengah Sarawak mampu membawa impak positif kepada komuniti agrotani di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meradong Datuk Ding Kuong Hing berkata, kerjasama dan usaha pelbagai agensi kerajaan yang menjana peningkatan taraf sosioekonomi ini wajar dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh semua pihak.

"Aktiviti promosi wajar diberikan sokongan padu oleh semua pihak kerana mampu menjadi platform terbaik untuk golongan agrotani di kawasan ini memajukan diri dan mempromosikan produk pertanian mereka ke dunia luar.

"Jika kita lihat produk makanan, hasil pertanian dan lain-lain mampu menghasilkan pendapatan lumayan jika

“Oleh itu, kita berharap golongan sasaran mampu merebut setiap peluang wujud melalui perkara ini dan dimanfaatkan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masing-masing.”

Datuk Ding Kuong Hing
ADUN Meradong

dipromosikan dengan tepat dan kreatif.

"Oleh itu, kita berharap golongan sasaran mampu merebut setiap peluang wujud melalui perkara ini dan dimanfaatkan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Jualan MyRakyat dan Keluarga Malaysia anjuran FAMA dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Pekan Bintangor, semalam.

Turut hadir Pegawai Daerah

Pegawai Daerah Sarikei mewakili Residen Bahagian Sarikei Christopher Ranggau Unting, Penolong Pengarah Kanan FAMA Sarawak Lois Unggah dan Ketua Pejabat KPDNHEP Sarikei Mohamad Zawawi.

Sementara itu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sarawak dalam kenyataan media berkata, program MyRakyat itu dianjurkan dengan sokongan beberapa agensi kerajaan termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Katanya, pelbagai program khidmat pemasaran FAMA

13 MAR, 2022

'Food Basket' bawa manfaat kepada komuniti agrotani

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



SEGAR: Ding (tiga kiri) pada Program Jualan MyRakyat dan Keluarga Malaysia di Pekan Bintangor, semalam.

yang memberi manfaat secara terus kepada pengguna turut ditawarkan dalam MyRakyat seperti Jualan Terus Dari Ladang, Jualan Terus Dari Kilang dan lain-lain.

"Program MyRakyat men-

yasarkan jualan barangan segar dan runcit berkualiti kepada penduduk setempat di samping mewujudkan ruang dan peluang perniagaan yang luas lebih kepada usahawan tani.

"Pelbagai jualan hasil pertanian boleh didapati pada program ini seperti sayur-sayuran, buah-buahan input pertanian dan lain-lain.

"Sebanyak RM3.39 juta nilai jualan direkodkan

menerusi program jualan MyRakyat dengan penyeriaan 4,736 orang usahawan di 146 lokasi seluruh negara pada 2021," katanya.

Menurutnya lagi, bagi tahun ini FAMA menyasarkan sebanyak 152 lokasi penganjuran di seluruh negara dengan nilai jualan RM3.5 juta.

Katanya, produk pertanian dan makanan daripada usahawan setempat dipilih bagi menarik kedatangan pengunjung pada edisi penganjuran MyRakyat kali ini.

"Seramai 30 usahawan yang menawarkan pelbagai jualan istimewa produk pertanian dan industri asas tani turut serta untuk memberi kepuasan pilihan kepada pengunjung.

"Antara pengisian dan aktiviti dijalankan sepanjang program adalah Jualan Happy Hour, Jualan Keluarga Malaysia, Jualan Produk Segar, Industri Asas Tani dan pelbagai.

"Turut diadakan ialah promosi dan demonstrasi produk usahawan setempat untuk pengunjung," jelasnya.



13 MAR, 2022

'Food Basket' bawa manfaat kepada komuniti agrotani

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Inisiatif pelbagai agensi kerajaan menerusi program promosi wajar digunakan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi

BINTANGOR: Program mempromosikan produk makanan terutama di kawasan Sarikei dan Bintangor yang dikenali sebagai lokasi utama 'Food Basket' di kawasan tengah Sarawak mampu membawa impak positif kepada komuniti agrotani di sini. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meradong Datuk Ding Kuong Hiing berkata, kerjasama dan usaha pelbagai agensi kerajaan yang menjana peningkatan taraf sosioekonomi ini wajar dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh semua pihak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

PADI IS21 TINGKAT PENDAPATAN PESAWAH, KOS LEBIH RENDAH

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM



Ismail Sabri Yaakob menyampaikan replika benih padi IS21 kepada wakil Komuniti sempena Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Komuniti sambil diperhatikan oleh Datuk Seri Dr Adham Baba di Kampung Semaloi, Endau Mersing, Rabu lalu. - UTUSAN/ RAJA JAAFAR ALI

PUTRAJAYA: Penggunaan Benih Padi IS21 yang berteknologi tinggi secara meluas mampu meningkatkan pendapatan pesawah dan petani sekaligus membantu memperbaiki taraf hidup komuniti itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, maklum balas positif diterima daripada golongan itu selepas beliau melancarkan benih padi hasil penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia tersebut empat bulan lalu di Sekincan, Selangor.

Beliau berkata, lebih istimewa, kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi jenis itu tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak.

Menurutnya, benih padi IS21 mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah.

“Baka padi IS21 ini juga berpotensi menghasilkan padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan amalan kultura pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti petani dan pesawah, sebagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Endau, Mersing, Johor, kelmarin.

Ismail Sabri berkata, benih padi yang berkualiti boleh membantu negara meningkatkan pengeluaran hasil padi dan membantu meningkatkan tahap sara diri negara.

Pada masa sama, beliau menjelaskan, ia dapat mengurangkan kebergantungan kepada beras import serta dapat menjamin sekuriti makanan negara dan menyokong Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

Bagi memastikan sumber makanan negara terjamin, selamat dan mencukupi, kata beliau, kerajaan sentiasa berusaha ke arah mencari kaedah-kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi.

“Sudah pasti golongan yang memainkan peranan paling penting dalam produktiviti industri padi negara adalah para pesawah serta petani dan kebajikan mereka adalah tanggungjawab kerajaan.

“Membesar sebagai anak petani, saya memahami denyut nadi serta pahit jerih setiap petani di sini, saya memberi komitmen untuk memastikan tidak ada yang tercicir. Kebajikan petani serta Keluarga Malaysia sentiasa mendapat perhatian khusus daripada saya. Insyallah,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha memastikan usaha mempertingkatkan produktiviti industri padi dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan keupayaan.

Justeru, beliau menyeru agar lebih ramai penyelidik tempatan dalam pelbagai bidang kepakaran tampil mengetengahkan penyelidikan dan pembangunan serta menggembelng tenaga bagi membangunkan inovasi agromakanan negara.

Katanya, MOSTI telah memberikan dana penyelidikan kepada syarikat Pengeluar Padi Sah di Sekinchan dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia bagi membangunkan Loji Pengeluaran Benih Asas Padi IS21 mengikut piawai prosedur operasi standard (SOP) antarabangsa bagi menghasilkan benih sah berkualiti tinggi.

Perdana Menteri turut mengimbuu semasa beliau mengemudi Kementerian Pertanian apabila pernah mencadangkan penghasilan benih padi berkualiti tinggi untuk meningkatkan pendapatan petani dan pesawah.

Beliau memberitahu, terdapat dua jenis padi yang boleh dihasilkan iaitu pertama jenis benih padi yang tahan jika ditenggelami air sekali gus tanaman padi tidak rosak jika berlaku banjir sebagaimana dilaksanakan beberapa negara seperti Filipina dan India.

“Yang kedua, jenis benih padi yang tidak menggunakan air yang banyak. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menjalankan kajian ini, di mana padi itu tidak memerlukan air yang banyak seperti penggunaan tali air.

“Ia hanya memerlukan penyembur. Kajian dan ujian telah pun dijalankan, cuma ketika itu dari segi hasilnya agak rendah iaitu antara tiga hingga empat sahaja,” katanya.

Justeru, beliau mahu MOSTI dan MARDI bekerjasama menjalankan kajian supaya benih padi jenis berkenaan mampu mengeluarkan hasil yang lebih banyak.

Jika ia dapat direalisasikan, kata beliau, hasilnya tentu lebih tinggi dan dapat memberi keuntungan kepada petani. – UTUSAN